

Pemimpin berkaliber

Mohamad Syzrul sentiasa positif, elak budaya provokasi



Seorang yang riang, mudah mesra dan suka kenalan baharu, namun sering disifatkan sebagai pendiam, sombong dan garang. Itu antara karakter yang disalah erti oleh rakan-rakan kepada Mohamad Syzrul Yahya, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP), Universiti Putra Malaysia (UPM), dek riak wajah yang dilihat serius.

"Ramai sangka sukar dekati saya, jadi saya sentiasa ukir senyuman bila berdepan orang ramai agar mereka mudah dekati saya," katanya ketika diminta memperkenalkan diri.

Sepintas lalu mengenali dirinya, Mohamad Syzrul, 23, berasal dari Kuala Lumpur, anak bongsu daripada tiga beradik, dari pasangan Yahya Ibrahim dan Salbiah Mohamed, penuntut tahun empat Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia (minor psikologi).

Menurut Mohamad Syzrul, dia tidak dibesarkan dalam kalangan keluarga

yang terlibat dengan kepimpinan secara keseluruhan. Namun abang dan kakaknya terlibat dengan bidang kepimpinan ketika di peringkat sekolah dan universiti.

"Ia menjadi faktor secara langsung untuk saya ceburi bidang ini. Tambahan pula saya memang aktif sejak di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tasik, Cheras. Ketika tingkatan tiga, mula sertai badan pengawas sekolah dan berada di peringkat atasan.

"Selain itu, aktif dalam aktiviti kokurikulum seperti olahraga, silat, kawad kaki, marhaban, dan nasyid. Semasa di Kolej Matrikulasi Perlis, saya turut serta dalam Kelab Pembimbing Rakan Dinamik dan dilantik sebagai setiausaha," katanya.

Ketika di tahun pertama UPM, Mohamad Syzrul dilantik selaku Exco Logistik Persatuan Mahasiswa Fakulti Ekologi Manusia (PMFEM). Di tahun dua pula, dia dilantik pula sebagai Presiden PMFEM dan ketika ini dilamar bertanding dalam barisan MPP UPM.



"Saya terima tawaran tersebut ketika berada di tahun tiga dan berkat usaha gigih, dilantik sebagai Timbalan Naib Yang Dipertua Kebajikan dan Pembangunan Prasarana bagi sesi 2014/15.

"Sesi 2015/16 saya buat keputusan bertanding sekali lagi dan alhamdulillah rezeki memihak kepada saya dan dilantik selaku Yang Dipertua MPP UPM.

"Bidang kepimpinan telah sehati dalam diri saya sejak di bangku sekolah. Minat yang mendalam telah memudahkan jalan untuk saya ke tahap yang tinggi ini," akui Mohamad Syzrul.

PENGURUSAN MASA TERATUR

Sebagai pemimpin tertinggi Mphamad Syzrul berkata, seorang pemimpin mempunyai masa yang lebih terurus dengan aktiviti yang bermanfaat.

Hatta sekalipun mereka sibuk dan mempunyai jadual yang padat, namun ketahuilah, semua itu dilakukan kepada perkara yang

bermanfaat untuk masa depan mereka.

Dalam mengatasi cabaran sebagai pemimpin pula, dia sentiasa bersikap terbuka dalam menerima teguran untuk penambahbaikan. Katanya, selaku manusia biasa kita tidak lari berdepan dengan perkara tersebut. Kritikan yang memberangsangkan diambil sebagai cabaran, namun jika bersifat menjatuhkan atau mengaibkan (negatif) elakkan sebelum merebak.

"Pendirian saya, tidak melayan perkara yang berunsur negatif contohnya, berunsur provokasi. Saya nasihatkan kepada semua sahabat mahasiswa agar bijak dan matang dalam mengeluarkan kenyataan atau teguran.

"Ingat, jika kita mencela pemimpin belum tentu pemimpin itu berubah, namun jika kita mendoakan pemimpin dengan izin-Nya pemimpin itu boleh berubah," katanya.

Tambahan pula, dia juga tidak pernah lupa untuk mendengar apa sahaja suara yang datang daripada rakan exco yang lain kerana mereka juga sebahagian daripada MPP UPM.

"Setiap isu yang datang, saya akan berbincang di peringkat Majlis Tertinggi terlebih dahulu dan kemudian kepada peringkat keseluruhan organisasi.

"Itulah susunan atau hierarki dalam organisasi yang perlu kita fahami dan amalkan," katanya yang menghormati semua pendapat.

Sementara itu, katanya, daripada apa yang dilalui ketika ini, banyak pengalaman berharga diraih.

"Jika dahulu tidak mahir dalam komunikasi korporat dan hal ehwal etika rasmi, kini saya lebih terdedah kepada elemen korporat yang sudah pasti berguna di alam pekerjaan.

"Komunikasi pelbagai hala juga semakin berkesan melalui peluang yang terbuka untuk berjumpa dengan barisan pemimpin negara seperti menteri dan barisan kehormat.

"Selain itu, etika berkaitan pakaian dan cara pemakanan menjadi nilai tambah kepada saya untuk berdiri selangkah ke hadapan daripada mahasiswa lain," jelasnya.

Dalam memenuhi wawasannya, Mohamad Syzrul berharap agar seluruh mahasiswa sedar akan peranan mereka selaku mahasiswa dan memanfaatkan masa untuk terus menuntut meneroka ilmu yang ada di alam universiti ini.

